

Berita Harian 23/6/15

PPNJ lantik 23 Usahawan Muda Kor Tani

» Peserta diberi tanggungjawab pasarkan hasil produk berasas ayam

Oleh Adnan Ibrahim
bhjb@bh.com.my

Kluang

Pertubuhan Peladang Negeri Johor (PPNJ) melantik seramai 23 belia sebagai kumpulan perintis Usahawan Muda Kor yang bertanggungjawab memasarkan produk berasaskan ayam keluarannya.

Pengerusi Kor Tani dan Peladang Muda PPNJ, Zaidi Abd Majid, berkata setiap usahawan akan diberikan kemudahan peti sejuk beku secara konsep sewa beli dengan membayar RM100 selama 20 bulan serta produk makanan keluaran PPNJ.

Katanya, PPNJ menyasarkan untuk mewujudkan seramai

60 ahli kor tani menjelang akhir tahun ini bagi menikmati peluang berkenaan yang dilihat mampu meningkatkan perniagaan masing-masing.

"Bagi kumpulan pertama, hanya 23 orang sahaja yang dikenal pasti layak menyertainya, dan dengan bantuan peti sejuk beku ini akan memudahkan mereka menyimpan stok produk PPNJ sebelum dijual kepada pelanggan," katanya selepas majlis penyerahan peti sejuk beku oleh Pengurus Besar PPNJ, Rusmin Juwahir di Machap, semalam.

Banteras orang tengah

Zaidi berkata, pembekalan terus produk PPNJ kepada peniaga kecil itu antara usaha membanteras kewujudan orang tengah yang menyebabkan kenaikan harga ayam tanpa kawalan, terutama pada musim perayaan.

Sementara itu, Md Razif Md Roskan, 31, dari Simpang Lima, Batu Pahat, berkata kemudahan peti sejuk beku itu akan membantu perniagaan ayam kampung yang diusahakan di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK).



Zaidi (empat dari kiri) menerima peti sejuk beku daripada Rusmin (empat dari kanan) selepas menyerahkan sijil penyertaan kepada peserta Usahawan Muda Kor Tani PPNJ di Dewan Syarikat PPNJ Poultry & Meat di Machap, semalam.

[FOTO ADNAN IBRAHIM/BH]